

Kaunseling di IPT mesti dipermudah

MERUJUK kepada masalah kes jenayah pelajar di institusi pengajian tinggi, sama ada di universiti tempatan atau luar negara, memerlukan perhatian seluruh masyarakat.

Dalam kehidupan, tanpa mengira siapa, tentu sekali masalah akan datang dan mempengaruhi tingkah laku kita. Amat penting kita berdaya bertindak sewajarnya agar masalah itu tidak akan memberi kesan kepada kehidupan.

Pelajar universiti adalah aset negara. Bergelar pelajar universiti, sering kali banyak liku yang terpaksa dihadapi. Tiada siapa dapat menafikan, berada dalam alam pengajian di universiti bukan perkara mudah. Apatah lagi jika berada di negara asing.

Masalah yang dihadapi pelajar memerlukan strategi berdaya tindak yang baik, di samping mendapat sistem sokongan dan bantuan yang kuat. Ia penting untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Kejayaan melalui liku hidup dan berdaya tindak terhadap masalah ini adalah antara penyumbang kepada proses pembinaan sahsiah dan jati diri.

Kejadian membabitkan kes jenayah seperti menyerang sehingga membawa kematian di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi, walaupun terpencil memang wajar diberi perhatian. Kita wajar melihat penyumbang kejadian ini untuk membantu pelajar melalui zaman universiti mereka dengan baik.

Kajian Hamidah Hussin (1988), Faridah & Hendry (1976) Dzulkhtifli (1974) Palladino & Tyron (1977) dan Sapura & Chua (2000) menunjukkan pelajar universiti, sama ada tempatan atau di luar negara menghadapi masalah.

Kajian menunjukkan antara masalah dihadapi pelajar universiti adalah persaingan sengit dalam akademik, konflik nilai, hubungan kekeluargaan, proses pembuat keputusan, konformiti dalam kelompok, keputusan pemilihan kerjaya dan persahabatan.

Masalah dalam institusi pendidikan turut menyumbang tekanan kepada pelajar. Kehidupan yang mencabar juga menyumbang kepada tahap permasalahan yang dihadapi pelajar.

Seperti dalam alam bekerja dan rumah tangga, kegagalan mengawal masalah akan menyebabkan individu tertekan dan memberi kesan kepada kehidupan mereka. Lantaran, tekanan itu perlu mempunyai daya tindak bersesuaian.

Tekanan yang dihadapi pelajar universiti perlu dibantu kerana tekanan adalah proses yang membabitkan rangsangan dan tindak balas.

Pelajar yang menghadapi masalah perlu mendapat sokongan dan bantuan seperti mendapatkan perkhidmatan bimbingan serta kaunseling di universiti berkenaan. Sistem sokongan universiti perlu sentiasa peka terhadap permasalahan dihadapi pelajar.

Walaupun aktiviti banyak dilakukan dalam membentuk sahsiah pelajar, sistem perkhidmatan bimbingan dan kaunseling wajar diberi perhatian.

Di samping itu, perkhidmatan bantuan di universiti tidak perlu terlalu 'rigid' sehingga menjauhkan pelajar daripada mendapatkan bantuan. Bantuan daripada rakan, persatuan dan pensyarah turut membantu mereka meringankan bebanan tekanan.

Jabatan Penuntut negara asal pelajar juga adalah saluran terbaik bagi pelajar mendapatkan bukan setakat khidmat nasihat, malah sistem sokongan padu sepanjang masa berada di negara asing.

Amat jarang sekali sesuatu perkara berlaku tanpa sebab dan penyumbangannya. Kita mesti mengambil tindakan sewajarnya untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku, terutama di institusi pengajian tinggi.

SAPORA SIPON,
*Pengarah Perhubungan Korporat,
Universiti Sains Islam Malaysia.*